



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

03 JANUARI 2021

1. Kartun - ragam
2. JAKIM sambut baik syor guna system kod QR
3. Tak tolak wujud kartel daging import
4. Kucing cacat naib juara
5. Ada lompang dalam akta
6. Clear demarcation of powers vital
7. Deputy Minister: No compromise if syndicates found to be involved

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
03.01.2021	BERITA AHAD	KOMENTAR	11



JAKIM sambut baik syor guna sistem kod QR

Kota Bharu: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyambut baik cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menggunakan sistem kod QR pada produk import bagi mengesan daging import tidak halal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ahmad Marzuk Shaary, berkata selama ini memang KPDNHEP yang mengawal selia ke-masukan daging dari luar negara dan prosedur operasi standard (SOP) pengendaliannya juga di bawah kementerian terbabit.

Beliau berkata, JAKIM hanya menyediakan kelulusan terhadap pensijilan halal, namun akan menambah baik beberapa SOP yang kini dalam kerangka perbincangan.

"Sistem kod QR ini adalah sebahagian daripada penambahbaikan SOP yang akan dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan kepada 20 Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Parlimen Pengkalan Chepa, di sini semalam.

Khamis lalu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mencadangkan penggunaan sistem kod QR pada produk import bagi menangani ketirisan di pintu masuk negara dan mengelak masalah seperti kartel daging haram berulang.

Rosol dilaporkan berkata, cadangan itu bagi memudahkan pegawai di lapangan seperti pelabuhan dan lapangan terbang mengesan daging atau mana-mana barangan import yang salah, selain dapat mengurangkan beban petugas di pintu masuk negara.

BERNAMA

Nasional

Tak tolak wujud kartel daging import

KPDNHEP sedia bekerjasama siasat dalang

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid tidak menolak kemungkinan wujud kartel daging import dan menyatakan kesediaan kementeriannya membantu siasatan.

Jika dakwaan itu benar, katanya, pihak kementerian sedia bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan lain untuk menyingkapi bagi memastikan dalang yang bertanggungjawab diheret ke muka pengadilan.

"Ada kemungkinan (wujud sindiket), tetapi kita tidak tahu betul atau sebaliknya. Sekiranya betul, kita minta pihak berkuasa yang berkenaan menyingkapi," katanya.

Dua minggu lalu, *BH* mendedahkan ada kartel yang mendedahkan penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah termasuk diragui status halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan termasuk pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Wang ringgit dan habuan berlibur dikatakan diguna bagi merasuah pegawai terbabit sebagai



Rosol Wahid

dorongan 'melepaskan' barangan yang diimport tanpa mengikut peraturan ke pasaran negara ini.

Sumber yang rapat dengan siasatan kes terbabit, mendakwa kartel mempunyai 'orang dalam' pada semua peringkat prosedur dan pemeriksaan di pintu masuk, menyebabkan mereka kebal sehingga mampu beroperasi sejak lebih 40 tahun lalu.

Awal minggu ini, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, tidak menolak kemungkinan aktiviti penyeludupan oleh kartel daging import membabitkan rangkaian yang luas serta didalangi sindiket dalam dan luar negara berdasarkan jumlah rampasan dan nilai sitaan produk itu sebelum ini.

Sementara itu, Rosol menegaskan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah menjalankan siasatan menyeluruh kes daging import yang diragui status halal mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

Katanya, siasatan dibuat atas kesalahan penyalahgunaan logo

Rangkaian luas disyaki babit sindiket dalam, luar negara

Keratan akhbar pada 30 Disember lalu.

halal dan cap dagangan palsu oleh syarikat pengimport daging sejuk beku terbabit.

"Tugas KPDNHEP adalah siasat dan ambil tindakan dari sudut penyalahgunaan logo halal atau penggunaan cap dagangan palsu mengikut Akta Perihal Dagangan 2011. Kita akan siasat menyeluruh di bawah bidang kuasa KPDNHEP."

"Jika berlaku aktiviti jenayah, kita akan bekerjasama dengan pihak berkuasa lain. Kita bersedia pada bila-bila masa bekerjasama dengan PDRM dan agensi berkaitan untuk siasat sehingga lubang cacing, sekiranya wujud rangkaian sindiket di sebalik kes berkenaan," katanya.

Rabu lalu, sepasang suami isteri yang juga pengarah sebuah syarikat pembekal daging, didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan menggunakan logo halal tanpa perakuan pihak berkuasa pada awal Disember lalu.

Rahman Sheikh Abdullah, 44, dan Raihanah Kassim, 42, yang juga pemilik syarikat Raihanah Cold Storage Sdn Bhd (Raihanah Cold Storage), bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohamad Halder Abdul Aziz.

Mengikut pertuduhan pertama, Raihanah Cold Storage yang diwakili pasangan suami isteri itu didakwa memperakui bahawa

perkhidmatan berhubung syarikat berkenaan adalah halal dengan menggunakan logo halal tanpa diperakui pihak berkuasa berhubung pada sebuah lori jenama Isuzu.

Bagi pertuduhan kedua, Rahman dan Raihanah dituduh secara bersama selaku pemilik syarikat terbabit, melakukan kesalahan sama pada sebuah lori jenama Mitsubishi. Kesalahan itu didakwa dilakukan di premis perniagaan Raihanah Cold Storage di Taman Perniagaan Setia, Johor Bahru, pada 1 Disember lalu.

Sementara itu, Rosol membiidas kenyataan segelintir pihak yang memutar belit kenyataannya, terutama berkaitan tindakan kementerian yang tidak mendedahkan jenama dan syarikat disiasat dalam isu status halal daging sejuk beku sehingga kes dibawa ke mahkamah.

"Tindakan itu bukan untuk melindungi syarikat yang disiasat. Kita perlu bersikap adil kepada syarikat pemilik sebenar jenama yang menjadi mangsa apabila cap dagangannya ditiru dan disalahgunakan untuk penipuan cap dagangan dan logo halal."

"Dakwaan mengatakan kementerian melindungi dalang dan VIP (golongan kenamaan) dalam kes ini adalah fitnah kerana hakikatnya dalang kes sudah ditangkap dan disiasat serta bakal didakwa di mahkamah dalam masa terdekat," katanya.

Kucing cacat naib juara

Melaka: "Saya akan jaga kucing ini sebaik mungkin walaupun mata kirinya buta sejak dilahirkan," ujar Hafizi Ramli, 43, berhubung kucing peliharaannya yang dikutip di pasar Alor Gajah.

Menurutnya, kucing baka tempatan diberi gelaran Abam Ungkalicious antara 87 kucing dirawat dan dibela di rumahnya di Alor Gajah.

"Semua kucing buangan ini menjadi inspirasi untuk saya mensyukuri nikmat Allah SWT.

"Ketika menemui kucing buta itu, saya dan isteri, Rozita Haron, 50, dapati Abam sakit mata kronik menyebabkan mata kirinya tidak dapat diselamatkan dan perlu menjalani pembedahan," katanya.

Menurutnya, keadaan mata Abam tersembul dan perlu dibuang akibat jangkitan kuman walaupun mere-

ka harus mengeluarkan belanja besar untuk menampung pembedahan itu.

"Apa yang menarik, Abam meraih tangga kedua dalam pertandingan *Cat Fancier's Association (CFA) International Division Award 2020* peringkat Malaysia walaupun cacat.

"Ketika pertandingan tiga bulan lalu, Abam berusia



Ketika menemui kucing buta itu, saya dan isteri dapati Abam sakit mata kronik menyebabkan mata kirinya tidak dapat diselamatkan dan perlu menjalani pembedahan"

Hafizi Ramli

lapan tahun namun menandingi kucing hebat dan menarik dari beberapa negeri dalam kategori *Household Pet*.

"Abam mengungguli antara mata tertinggi dalam pertandingan liga dengan menduduki antara *Top 10* menerusi beberapa peringkat termasuk di Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya yang turut memiliki beberapa lagi kucing buta.



ABAM Ungkalicious adalah kucing baka tempatan yang dikutip di pasar Alor Gajah.

Kafe Ahad

Sudah puluhan tahun berlaku namun isu pencemaran sungai akibat pelepasan najis babi daripada ladang ternakan masih belum selesai.

Bukan saja sungai, malah masyarakat sekitar turut terkesan akibat pencemaran bau dan isu lain seperti kesihatan.

Bila mahu selesai? Tepuk dada tanya selera.

Ikuti wawancara Pakar Kualiti Air dan Permodalan Kualiti Air **Dr Zaki Zainudin** dengan Pengarang Berita **NAZARALI SAERIL** berkaitan isu ini.

Apa isu utama pencemaran akibat ternakan khinzir?

Antara isu utama pencemaran membabitkan industri ternakan khinzir ialah beban pencemaran organik dibebaskan industri terbabit.

Laporan rasmi Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 2018 menyebut, 217 tan beban pencemaran oksigen biokimia (BOD) dilepaskan industri penternakan khinzir ini dalam sehari.

Jumlah beban pencemaran BOD ini ialah 33.2 peratus daripada keseluruhan pencemaran yang direkodkan.

Ini juga adalah yang kedua tertinggi selepas pencemaran akibat sisa kumbahan yang merekodkan 242 tan beban pencemaran BOD sehari atau 37 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Untuk rekod, industri pertanian menyumbang 133 tan sehari, industri pembuatan menyumbang 55 tan sehari manakala pasar basah enam tan sehari.

Selain beban pencemaran BOD, daripada segi pencemaran Beban Pepejal Terampai (SS), industri



LAPORAN Harian Metro bertarikh 31 Disember lalu berkaitan pencemaran di empat negeri akibat penternakan babi.

ternakan menyumbang beban cemar tertinggi. Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2018 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) menyebut pada 2018, anggaran penghasilan beban pencemaran bagi SS adalah 835 tan sehari yang mana aktiviti ternakan babi kekal sebagai penghasil beban SS utama iaitu 450 tan sehari (54 peratus).

Ini diikuti loji kumbahan dengan 303 tan sehari (36 peratus), industri berasaskan pertanian dengan 39 tan sehari (lima peratus), industri pembuatan

PENTERNAKAN BABI CEMAR ALAM

'ADA LOMPANG DALAM AKTA'

"Pereputan sisa organik boleh meningkatkan paras ammonia dalam sungai"

Dr Zaki

dengan 35 tan sehari (empat peratus) dan pasar basah dengan lapan tan sehari (satu peratus).

Daripada segi lokasi pencemaran, laporan Kualiti Alam Sekeliling 2018 menyebut, Johor menyumbang beban

pencemaran BOD tertinggi membabitkan industri ternakan khinzir iaitu 190 tan sehari.

Ini diikuti Perak dengan 119 tan sehari, Selangor dengan 96 tan sehari, Pulau Pinang dengan 65 tan sehari, Sabah 31 tan sehari dan Sarawak dengan 29 tan sehari.

Beban BOD untuk lain-lain negeri termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya kurang daripada 27 tan sehari.

Apa jadi dengan hidupan di sungai yang mungkin turut menjadi sumber makanan masyarakat sekitar?

Apabila sisa-sisa organik berlebihan masuk ke sungai, ia boleh menyebabkan kejatuhan paras oksigen di dalam sungai berkenaan.

Apabila sisa ini terurai di dalam sungai, proses penguraian itu sendiri akan menggunakan oksigen.

Oleh itu, jika terlalu banyak sisa organik dalam sesebuah sungai, ditambah pula jika sungai itu kecil, maka paras oksigen di dalam sungai jatuh. Akibatnya, spesies akuatik terjejas atau mungkin tiada hidupan lagi di sungai berkaitan.

Pereputan sisa organik ini boleh meningkatkan paras ammonia dalam sungai dan jika ammonia ini terlalu tinggi, ia juga boleh menjejaskan hidupan akuatik.

Tindakan kurang tegas terhadap isu babitan pencemaran akibat pelepasan najis babi?

Untuk industri lain, contohnya punca pencemaran kumbahan dan industri, sebelum air sisa daripada industri ini dilepaskan ke sungai, sisa air ini perlu dirawat.

Ini untuk memastikan piawaian ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dipatuhi.

Masalah dalam industri ternakan khinzir ialah, ada lompang dalam akta ini sama ada ia terpakai untuk industri terbahit atau sebagainya.

Bagaimanapun, ada negeri seperti Selangor yang menetapkan dengan jelas yang mana industri penternakan tertakluk di bawah akta Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

Kesan terhadap sungai yang tercemar?

Kesan kepada sungai bergantung kepada jumlah pencemaran dan saiz sungai.

Contoh, jika banyak pencemaran atau ladang khinzir tertumpu dalam kawasan sama dan dilepaskan di sungai sama, sungai akan terkesan dengan teruk kerana beban pencemaran besar selain sungai kecil.

Jika sungai besar, luas dan punca pencemaran tidak banyak, maka kesannya, sungai kurang terjejas dan tiada masalah untuk pulih secara semula jadi.

Sungai ada kebolehan untuk pulih semula jadi jika ada pencemaran.

Cuma isunya, jika pencemaran terlalu teruk, maka sungai tidak boleh menerimanya menyebabkan ia rosak.

IMPROVING THE LEGAL FRAMEWORK

'CLEAR DEMARCATION OF POWERS VITAL'

Proposed Halal Act should define parameters of Jakim's powers, says lawyer

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THERE should be a clear demarcation of power in the proposed Halal Act that identifies the scope and parameters of the Islamic Development Department (Jakim).

Prominent lawyer Nizam Bashir said the law had been mooted by the department's Halal Hub Division since 2009, with the motivating factor of providing the authorities with more bite and clearer authority when dealing with halal-related matters.

He said Jakim, an agency under the Prime Minister's Department, now functioned without the benefit of an appropriate

statutory framework.

He said this was "certainly untenable" when it came to Jakim's jurisdictions and its impact on the public.

"The proposed Halal Act would be able to address deficiencies in the existing legal framework.

"Apart from clear deficiencies in the existing legislation, another factor that should be considered is whether there are other reasons for introducing a specific act, for instance, collating the diverse legislative instruments and housing them entirely under one act," he told the *New Sunday Times*.

He said one of the laws covering halal matters was the Trade Descriptions Act 2011, with Part II of the act prohibiting false trade descriptions and Part III prohibiting misstatements other than false trade descriptions.

He said Section 29 of the Trade

Description (Certification and Marking of Halal) Order 2011 stipulates which authorities could issue halal certificates.

Section 8 of the order includes offences against those who certify food and/or supplies of food contrary to the rigours of the order.

"There can be deficiencies in the existing legal framework and they can be addressed in a Halal Act.

"Otherwise, those deficiencies can be relied upon by offenders and sometimes even become a flashpoint, including in determining the demarcation between state and federal agencies,

and serving to test the boundaries of what is lawful or unlawful both from a public law standpoint as well as from a constitutional standpoint."

Nizam said efforts to address those deficiencies were necessary as Malaysia had tremendous reputation and goodwill in terms of

its halal certification standards.

It was reported that the proposed Halal Act, among others, aimed to give absolute authority to Jakim to monitor and enforce the law and make it compulsory for companies, individuals, factories and abattoirs to obtain and use the halal logo, which is currently done voluntarily.

Halal laws regulate an industry that is worth an estimated US\$2.3 trillion annually, according to a study by Hadi Akbar Dahlan and Norrakiah Abdullah Sani from Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Science and Technology.

The study revealed that halal laws in Malaysia had been around for 40 years, starting with the enacting of the Trade Description Order 1975, Malaysia Standard (MS 1500:2009) and Trade Description Act 2011, which is the current law.

The law was then enhanced under the Trade Description Law 1997 when the halal logo was trademarked and protected by Jakim, the study said.

The Consumer Protection Act 1999 also prevents food produc-

ers from using any confusing labelling descriptions in food products and the Malaysian Standard (MS) 1500:2009 later introduced the halal definition.

Halal food means food and drinks and/or ingredients that are permitted under syariah and fulfil several conditions as stated in the standard.

In the case of non-certified meat being sold as halal, Jakim, whose role is to issue halal certificates, has no power to investigate or prosecute culprits. Imported meat goes through the port authorities, Customs Department and Malaysian Quarantine and Inspection Services Department.

Prosecution is conducted by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, which does not have its own halal unit.

On Thursday, Malaysia Muslim Consumers Association lead activist Datuk Nadzim Johan urged the government to relook plans to enact the Halal Act following reports that a meat cartel has been smuggling non-certified meat into Malaysia and selling it as halal beef.



Nizam Bashir

Deputy minister: No compromise if syndicates found to be involved

KUALA BERANG: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will not compromise on the meat cartel issue if there is proof that syndicates are involved.

Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said the ministry was ready to cooperate with the police and other agencies to investigate the issue to ensure that the culprits would face the music.

He said the ministry had conducted thorough investigations within its jurisdiction under the Trade Description Act 2011 over the misuse of the halal logo and the use of fake trademarks by any frozen meat company.

He said the ministry was ready to work with the police and other agencies to investigate whether a syndicate or a syndicate network was involved in the case.

"We do not rule out the possibility (of a syndicate's involvement), but we have yet to be sure about this. If it is true that syndicates are involved, we want the authorities to investigate."

"Our duty is to investigate and take action on any abuse of the halal logo and fake trademarks, which are offences under the Trade Description Act 2011."

"We will conduct a thorough investigation within our jurisdiction and if there is any criminal element, we will cooperate with the related agencies."

On Tuesday, the police said they did not discount the possibility that the meat cartel was part of a wide network masterminded by local and foreign syndicates.

Federal Criminal Investigation Department director Datuk Huzir Mohamed had said this observation was based on the amount and value of seizures so far.

Meanwhile, Rosol slammed those who distorted his statements on the ministry's decision not to reveal the brands and companies that were investigated in connection with the meat cartel.

He said this stand was taken not to protect the companies being investigated, but to be fair to the legitimate companies that actually own the brands.

"The company is also a victim in this case because their trademark was forged."

"The allegations that the ministry is protecting the mastermind and a VIP in this case are mere accusations because the



A trader arranging imported meat at a market. PIC BY ASWADI ALIAS

mastermind in this case has been arrested and is expected to be charged in court soon."

In **Kota Baru**, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Ahmad Marzuk Shaary said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's decision to use quick response (QR) codes on imported products would help address concerns arising from the meat cartel scandal.

He said other improvements on the matter would be looked into by Jakim.

"The entry of imported meat is under the ministry's jurisdiction and the standard operating procedures also come under the ministry."

"Jakim only provides halal certification for the meat (importing) company."

"The government, through Jakim, is still discussing the is-

sue. We are planning other improvements to tackle the meat cartel scandal and the QR code system is among them," he said after presenting donations to more than 20 Pusat Asuhan Tunas Islam teachers yesterday.

The ministry recently proposed the use of QR codes on imported products to deal with leakages at the country's borders and prevent the occurrence of a case like the meat cartel scandal.